

## **BANK ISLAM TAWAR BANTUAN KEWANGAN KEPADA MANGSA BANJIR**

*Fleksibiliti pembayaran pembiayaan dan kemudahan bantuan untuk PKS yang terjejas; sokongan tambahan untuk pelanggan Pembiayaan-i Rumah, Peribadi dan Kenderaan*

**KUALA LUMPUR, Rabu, [17 September 2025]:** Bank Islam Malaysia Berhad (Bank Islam atau Bank), peka dengan situasi banjir yang menjelaskan beberapa kawasan di seluruh Malaysia, hari ini mengumumkan langkah-langkah bantuan kewangan yang mengutamakan perusahaan mikro, kecil dan sederhana (PMKS) terjejas, di samping sokongan untuk pelanggan individu.

Bagi membantu PMKS yang terjejas, Bank Islam menawarkan program pembiayaan Kemudahan Bantuan Bencana untuk perniagaan di daerah yang dikenal pasti oleh Agensi Pengurusan Bencana Negara (NADMA) sebagai kawasan bencana banjir. Di bawah kemudahan ini, PMKS yang layak boleh mendapatkan pembiayaan untuk membaik pulih atau menggantikan aset perniagaan yang rosak, seperti kilang pembuatan dan mesin, serta untuk modal kerja asas.

Sementara itu, moratorium sehingga enam (6) bulan turut ditawarkan kepada pelanggan PMKS Bank Islam sedia ada di kawasan bencana banjir yang ditetapkan oleh NADMA. Bantuan kewangan ini merangkumi semua kemudahan kredit dengan pembayaran yang dijadualkan atau perlu dibayar mengikut kontrak, termasuk Kemudahan Pembiayaan Berjangka, Kemudahan Kredit Pusingan & Talian Tunai, serta Kemudahan Perdagangan.

Selain itu, Bank Islam telah meneruskan semula Program Prihatin Banjir untuk pelanggan pembiayaan individu. Pelanggan Pembiayaan-i Rumah, Peribadi dan Kenderaan yang terjejas bencana boleh memohon penangguhan bayaran ansuran bulanan sehingga enam (6) bulan, tertakluk kepada terma dan syarat berkaitan. Bank turut menawarkan penggantian percuma untuk Kad Kredit dan Debit-i serta buku cek yang rosak atau hilang.

Ketua Pegawai Operasi dan Ketua Pegawai Kelestarian Kumpulan Bank Islam, Mohamed Iran Moriff Mohd Shariff, berkata “Bank Islam sentiasa mengikuti perkembangan terkini di semua kawasan yang terjejas. Bagi meringankan beban pelanggan, kami melaksanakan langkah-langkah proaktif bagi memastikan proses dokumentasi dan kelulusan menjadi lebih mudah dan cepat untuk mereka.”

Kesejahteraan komuniti sentiasa menjadi keutamaan Bank Islam. Sehubungan itu, kami berharap Kemudahan Bantuan Bencana untuk PMKS dan Program Prihatin Banjir bagi

pelanggan individu dapat meringankan kebimbangan kewangan pada waktu yang mencabar ini. Kami melihat ini sebagai tanggungjawab berterusan, bukan sekadar tindak balas terhadap krisis. Sokongan kami akan diteruskan melepas tempoh pasca-bencana, dengan sumber yang diperuntukkan khusus untuk membantu pelanggan membina semula, menyesuaikan diri, dan berkembang dalam jangka Panjang" tambah Mohamed Iran.

Permohonan bantuan kewangan boleh dikemukakan di cawangan Bank Islam terdekat dalam tempoh tiga (3) bulan selepas kejadian.

Maklumat lanjut mengenai bantuan yang disediakan boleh diperoleh di laman web korporat Bank Islam di [www.bankislam.com](http://www.bankislam.com).

Pelanggan Pembiayaan-i Perniagaan yang terjejas boleh membuat pertanyaan dan memohon bantuan di cawangan Bank Islam terdekat atau melalui e-mel di [sme-assist@bankislam.com.my](mailto:sme-assist@bankislam.com.my).

---

### **Mengenai Bank Islam Malaysia Berhad**

Bank Islam adalah institusi perbankan Islam pertama di Malaysia yang disenaraikan di Papan Utama, Bursa Malaysia Berhad. Ditubuhkan pada bulan Julai 1983, Bank Islam mempunyai lebih 100 cawangan dan lebih 900 terminal layan diri di seluruh negara. Sebagai institusi perbankan Islam lengkap dan tulen, Bank Islam menyediakan penyelesaian perbankan runcit dan kewangan korporat yang mematuhi undang-undang dan prinsip Syariah dengan ketat. Bank Islam komited terhadap kemakmuran lestari dan nilai-nilai ESG dan merupakan peserta rasmi Rangkaian Kompak Global Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu Malaysia dan Brunei. Anak-anak syarikat utama Kumpulan Bank Islam, BIMB Investment dan BIMB Securities menawarkan pelbagai perkhidmatan kewangan Islam, termasuk pelaburan dan pembrokeran saham.Untuk maklumat lanjut mengenai produk dan perkhidmatan kumpulan Bank Islam, layari [www.bankislam.com](http://www.bankislam.com).

Sila e-mel ke Hubungan Media Kumpulan Bank Islam di [media@bankislam.com.my](mailto:media@bankislam.com.my) untuk mendapatkan maklumat tambahan.